

<b>Publication</b>	<b>Sinar Harian</b>	<b>Section /Page No.</b>	<b>Nasional / Pg. 2</b>
<b>Date</b>	<b>Fri, 29<sup>th</sup> Jan 2016</b>	<b>Lead Article</b>	<b>No</b>
<b>Headline</b>	<b>Agenda Bumiputera Kini Diiktiraf Dunia</b>		

# Agenda Bumiputera kini diiktiraf dunia

**PUTRAJAYA** - Agenda Bumiputera bukan lagi agenda nasional, sebaliknya kini sudah diangkat dan diiktiraf di persada dunia, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Sehubungan itu, tegas Perdana Menteri, tidak timbul sama sekali tuduhan sesetengah pihak kononnya kerajaan berkompromi tentang soal kedaulatan negara ketika berunding dengan anggota-anggota perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) yang menyaksikan perjanjian itu diluluskan di Dewan Rakyat, kelmarin.

“Kita tidak bersifat apologetic dalam mempertahankan agenda Bumiputera ketika berunding dengan anggota-anggota TPP.

“Malah, ketahuilah bahawa hasil ke-sungguhan dan ketegasan kerajaan dalam proses perundingan, akhirnya, anggota-anggota TPP telah menerima dan mengiktiraf Dasar Bumiputera sebagai sebahagian daripada terma-terma TPP di peringkat global,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengumumkan pengubahsuaian Bajet 2016, semalam. - *Bernama*